

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING ( KULAI)**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apa mekanisme yang sedia untuk memastikan suami bukan warganegara yang telah bercerai dengan isteri warga Malaysia, yang mempunyai hak penjagaan anak-anak serta dipertanggungjawab menjaga anak bersama, untuk terus menetap di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia tidak mengeluarkan sebarang pas yang setaraf dengan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang Kategori Janda kepada lelaki warga asing yang telah bercerai dengan warganegara Malaysia.

Sehubungan itu, pertimbangan terhadap lelaki warga asing yang telah bercerai dengan warganegara Malaysia untuk berada di Malaysia adalah tertakluk kepada kebenaran oleh Jabatan Imigresen Malaysia.